



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 1 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MASALAH BENIH PADI BAKAL SELESAI, LOKAL, HARIAN METRO -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	DATUK ANGKAT BERAS 140KG, NEWS, BERITA HARIAN -68	
3.	KERAJAAN, RINGANKAN BEBAN PESAWAH, NASIONAL, SINAR HARIAN -16	
4.	DATUK BADANG BERAS, NEWS, MYMETRO -5	
5.	SALAHUDDIN: GOVERNMENT WITH DELIVER PROMISES ON DEVELOPMENT, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -CS	
6.	PELBAGAIKAN BANTUAN KEPADA PENTERNAK LEMBU, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	
7.	TAWAR PEKERJAAN DAN GAJI BERKUALITI DALAM PERTANIAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	
8.	TG PIAI BY-ELECTION: POTENTIAL CANDIDATE MUST BE RESPECTABLE, FRIENDLY - SALAHUDDIN, NEWS, THE BORNEO POST -6	
9.	MOA KAJI SEMULA KUOTA BEKALAN BENIH PADI, BERITA HARIAN, ONLINE	
10.	TAWAR GAJI LUMAYAN TARIK MINAT GRADUAN DALAM BIDANG PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -4	
11.	600 PESAWAH BUNTU, BENIH BELUM ADA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 10	
12.	TARIK KUOTA SYARIKAT GAGAL BEKAL BENIH PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN - 12	
13.	TARIK MINAT GRADUAN PERTANIAN, NASIONAL, SINAR HARIAN -19	
14.	JANGAN BERGANTUNG BURUH ASING, KATA TZE TZIN, NASIONAL, SINAR HARIAN - 19	
15.	80 BOAT OWNERS IN SEKINCHAN SEND PETITION FOR SHORTAGE OF DIESEL SUPPLY, NEWS, GUANG MING DAILY -A6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	APMM TAHAN TEKONG WARGA THAILAND CEROBOH PERAIRAN MALAYSIA, ASTRO AWANI, ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
17.	SEAHORSES GET HELP TO STAY AFLOAT, NATION, THE STAR -3	
18.	NIKMAT DISKAUN PERCUTIAN SEHINGGA 30 PERATUS DI NAFAS CUBE @MARDI, NEGARA, KOSMO -16	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
19.	PENYELUDUP KERAH LEMBU RNTAS SUNGAI, LOKAL, HARIAN METRO -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
20.	GET YOUTH, WOMEN TO BE PLANTERS, LETTERS, NEWS STRAITS TIMES -71	LAIN-LAIN
21.	PERLU DANA TINGKAT HASIL IKAN AIR TAWAR, NEWS, HARIAN METRO (SS) -4	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	HARIAN METRO	LOKAL	24

## **Masalah benih padi bakal selesai**

Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan masalah bekalan benih padi akan selesai minggu ini, kata Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Beliau berkata, bekalan benih padi yang diperlukan negara ialah kira-kira 72,000 metrik tan setahun sebenarnya mencukupi, cuma masalah timbul apabila ada syarikat pembekal gagal membekalkan benih padi antaranya kerana menghadapi masalah penyimpanan.

Menurutnya, kementerian telah berhubung dengan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan untuk mendapatkan kuota tambahan benih padi sah kepada syarikat pembekal bagi mengatasi masalah bekalan benih padi itu.

Headline	Datuk angkat beras 140kg		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	68	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	334 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,684
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,053



Ahmad mengangkat 140 kilogram beras pada Karnival Pesawah dan Hari Bertemu Pelanggan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu, Pekan, semalam.  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

## Datuk angkat beras 140kg

**Pekan:** Datuk tiga cucu Ahmad Salleh, 59 dinobatkan sebagai badang beras kategori lelaki apabila berjaya mengangkat 70 kampit beras seberat 140 kilogram (kg) pada Karnival Pesawah dan Hari Bertemu Pelanggan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan 2019 di

Kampung Permatang Durian Merchong, dekat sini semalam.

Bagi kategori wanita, juara berpihak kepada gadis kelahiran Terengganu Nurul Fatih Shuhaidah Mohd Aminuddin, 20 yang berjaya mengangkat 20 kampit beras seberat 40kg. Pertandingan berkenaan disertai lebih 50 peserta lelaki dan wanita.

Ahmad yang mengusahakan sawah seluas 25 hektar berkata, dia tidak menyangka penyertaan kali pertama berkenaan berakhir dengan kejayaan yang begitu membanggakan.

Dia berimbia dengan mengangkat 90kg bebanan seterusnya ialah 100kg, 120kg dan 130kg. Cabaran terakhir ialah 140kg yang menjadi kemuncak apabila hanya dua peserta bersaing.

"Tidak ada petua apa yang digunakan sepanjang pertandingan. Saya hanya berdoa dan yakin pada diri sendiri, selain mendapat suntikan semangat daripada rakan sekampung.

"Saya biasa dengan kerja berat

seperti mengangkat guni padi, tandan kelapa sawit dan baja. Faktor itu mungkin membolehkan saya memikul beras seberat 140kg," katanya yang menetap di Kampung Permatang Durian.

Beliau berkata, dia bersyukur dengan kejayaan itu apabila berjaya membawa pulang 35 kampit beras seberat 70kg. Rezeki itu akan dikongsi dengan keluarga.

Turut berjaya mengangkat 140kg beras ialah pekerja ladang kelapa sawit kelahiran Terengganu, Borhan Zakaria, 34.

Hadiyah disampaikan Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Padi Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Badaruddin Mohd Kassim.

Hadir sama Pengarah IADA Pekan, Muhammad Khalil Idris.

Program dua hari itu dimulakan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran agensi kerajaan, gerai jualan, ceramah pertanian, anugerah pesawah, sukaneka dan penyampaian hadiah fotografi.

Headline	Kerajaan, ringankan beban pesawah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	16	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	403 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Izzatul Izuan Tahir	AdValue	RM 8,544
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,631



# Kerajaan, ringankan beban pesawah



Panorama hijau sawah padi terbentang luas mempesonakan dan mendamaikan pemandangan mata. Hamparan pokok padi hijau tumbuh sama rata pastinya memberikan pengalaman terindah penuh makna.

Sepanjang menyusuri jalan sawah sekitar kawasan Sabak Bernam yang terkenal sebagai Jelapang Padi Selangor, kelihatan pesawah turun ke bendang masing-masing membanting tulang empat kerat mencari rezeki buat keluarga tersayang.

Biarpun di tengah panas terik matahari, pesawah yang rata-ratanya berusia 50-an tidak sesekali mengeluh dan jemu malah terus gigih bekerja demi kelangsungan hidup.

Namun di sebalik itu, golongan terabit terutama yang mempunyai petak sawah kecil masih dilingkari kemiskinan apatah lagi apabila padi ditanam diserang penyakit selain terpaksa menanggung kos pengeluaran tinggi setiap tahun.

Bayangkan, mereka terpaksa membayar sewa jentera, mengupah pekerja dan membeli benih padi, baju serta racun sehingga ada ketika mereka terpaksa menanggung kerugian besar.

Pesawah ketika ini berdepan tekanan berikutnya pelbagai kemudahan dan insentif yang dinikmati sebelum ini dipotong kerajaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub juga menitiskan air mata ketika membaca surat diserahkan seorang pesawah pada Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani di Serdang pada 14 Februari lalu.

Surat itu yang diserahkan oleh wakil petani daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar, Ibbs Hamud, 77, antara lain meluahkan kebimbangan dan kegusaran pesawah dan nelayan dengan pemotongan eluan sara diri kumpulan berkenaan.

Salahuddin dalam ucapan pada majlis itu berkata, walaupun surat itu hanyalah gimik pelancaran tetapi isi kandungan adalah luahan sebenar petani dan nelayan.

"Selagi nyawa dikandung badan dan saya diberi amanah meneraju kementerian ini, saya akan membela nasib warga petani, nelayan dan penternak ini," katanya.

Luahan itu tidak terhenti setakat itu sahaja, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman menyifatkan pengeluaran hasil padi yang merosot teruk dianggap umpama lakonan dalam salah satu babak filem *Nujum Pak Belalang* suatu ketika dahulu.

"Nujum, ADUN Sabak ada satu teka-teki apakah maksud tiga banyak, lima sedikit, tujuh jarang-jarang dan sembilan kadang-kadang? Jawapannya ialah hasil pengeluaran padi yang merosot teruk pada musim tanaman kali ini," katanya.

Justeru, tegas beliau, kerajaan diminta menghargai pesawah yang membanting tulang dan mengerah keringat di bendang bagi menjamin bekalan beras negara mencukupi.

"Sekiranya ada pesawah tertindas, ajak saya sekali membantah kerana suara saya sahaja tak didengari, sebaliknya kalau suara saya dan pesawah bergandingan mereka (kerajaan) tahu bahawa suara ini penting bagi menjamin bekalan beras berterusan," katanya.

Pada 11 Jun lalu, Perdana Menteri,

***Biarpun di tengah panas terik matahari, pesawah yang rata-ratanya berusia 50-an tidak sesekali mengeluh dan jemu malah terus gigih bekerja demi kelangsungan hidup.***

Tun Dr Mahathir Mohamad pula menggalakkan pesawah memperuntukkan sebahagian tanah mereka untuk tanaman kontan seperti sayuran dan buah-buahan bagi meningkatkan pendapatan.

"Umpamanya, tanaman kontan yang boleh dituai tiga atau empat kali setahun, yang memberi pulangan lebih baik berbanding padi," katanya.

Keperitan golongan pesawah turut mendapat perhatian Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah apabila baginda berkenan merasai sendiri pengalaman menanam padi menggunakan kaedah tradisional dan moden di Parit 14 Simpang Lima, baru-baru ini.

Tengku Amir Shah dan rombongannya menarik perhatian rakyat dan agensi kerajaan yang hadir apabila baginda tidak kekok turun ke bendang dipenuhi lumpur.

Malah, baginda yang mengadakan lawatan selama tiga hari di Sabak Bernam menunjukkan kemahirannya menanam benih padi menggunakan kuku kambing secara berbaris di petak sawah selain merandu jentera menabur padi.

\*Mohd Izzatul Izuan Tahir ialah Wartawan Sinar Harian Edisi Selangor

<b>Headline</b>	Datuk Badang beras		
<b>MediaTitle</b>	MyMetro ( <a href="http://www.hmetro.com.my">www.hmetro.com.my</a> )		
<b>Date</b>	01 Oct 2019	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	NEWS	<b>Circulation</b>	4
<b>Order Rank</b>	5	<b>Readership</b>	4
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	N/A
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 1,600
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 4,800

## Datuk Badang beras

AHMAD mengangkat 140kg beras pada Karnival Pesawah dan Hari Bertemu Pelanggan IADA Pekan 2019. USIANYA lebih setengah abad namun kudrat Ahmad Salleh, 59, menyamai orang muda apabila mampu mengangkat 70 kampit beras seberat 140 kilogram (kg).Kebolehan lua...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

Headline	Salahuddin: Government will deliver promises on development		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C5	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	159 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,505



# 法力拉菲發展承諾 沙拉胡丁：政府會完成



(笨珍30日讯)农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，政府会替已故土团党丹绒比艾区国会议员拿督威拉法力拉菲，完成生前对人民所许下的所有发展承诺。

他希望丹绒比艾国会选区内的村长，能向有关当局呈上相关文件，让有关当局进行跟进。

他昨天在笨珍县署，与45名丹绒比艾国会选区的村长交流后，在记者会上受询问时如是指出。

他说，本身也会与柔佛州务大臣拿督沙

鲁丁嘉马关注丹绒比艾选区的需要，包括是否需要该部或大臣署的拨款。

他解释，提供拨款需求并非是因补选，或是法力拉菲的逝世，身为政府就须关注人民所需。

沙拉胡丁阿育也是国家诚信党署理主席。他也说，丹绒比艾国席补选的候选人，将会以法力拉菲的热心和敬业乐业服务作为标杆。“这场补选无形中也提高了候选人的素质。”

■沙拉胡丁阿育：丹绒比艾国会选区发承诺会继续进行。

Headline	Pelbagaikan bantuan kepada penternak lembu		
MediaTitle	Utusan Borneo Online ( <a href="http://www.utusanborneo.com.my/">http://www.utusanborneo.com.my/</a> )		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Pelbagaikan bantuan kepada penternak lembu

MELAKA: Dari jauh, kelihatan seorang lelaki berusia lewat 40-an sedang asyik memandikan beberapa ekor lembu di sebuah kandang kecil yang terletak di Kampung Sungai Badau, Krubong. Sesekali Bahari Said, 48, menjerit 'baaaaa...,baaaa..baaa' memberi arahan ag...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Tawar pekerjaan dan gaji berkualiti dalam pertanian		
MediaTitle	Utusan Borneo Online ( <a href="http://www.utusanborneo.com.my/">http://www.utusanborneo.com.my/</a> )		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Tawar pekerjaan dan gaji berkualiti dalam pertanian

TAHNIAH: Sim Tze Tzin (kiri) menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada Nor Amiza pada majlis Konvokesyen Pertanian di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) semalam. — Gambar Bernama  
SERDANG: Tawarkan pekerja...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

<b>Headline</b>	<b>Tg Piai by-election: Potential candidate must be respectable, friendly – Salahuddin</b>		
<b>MediaTitle</b>	The Borneo Post ( <a href="http://www.theborneopost.com">www.theborneopost.com</a> )		
<b>Date</b>	01 Oct 2019	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	NEWS	<b>Circulation</b>	4
<b>Order Rank</b>	6	<b>Readership</b>	1
<b>Language</b>	English	<b>ArticleSize</b>	N/A
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 1,400
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 4,200

## **Tg Piai by-election: Potential candidate must be respectable, friendly – Salahuddin**

Parti Amanah Negara (Amanah) deputy president Datuk Salahuddin Ayub said during a meeting with village heads in Tanjung Piai yesterday, they were still visibly touched by the kindness of the late Dr Md Farid who always helped them regardless the time of t...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

## MOA kaji semula kuota bekalan benih padi



SERDANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan mengkaji atau menarik semula pemberian kuota kepada syarikat yang gagal membekalkan benih padi kepada petani di seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata tindakan itu akan dilakukan selepas kementerian membuat penilaian teknikal terhadap semua syarikat pembekal benih padi di seluruh negara, tidak lama lagi.

"Masalah kekurangan bekalan benih ini biasa berlaku, ...jadi kita mungkin mengkaji atau menarik semula kuota kepada syarikat pembekal yang gagal bagi memastikan ia tidak berulang," katanya selepas Majlis Konvensyen Pertanian Kesembilan disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, di sini.

Pertanian Kesembilan disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, di sini.

Mohd Sallehuddin berkata, MOA juga memberi jaminan bahawa masalah kekurangan bekalan benih padi dihadapi petani di Perak akan selesai sepenuhnya menjelang hujung minggu ini.

Setiap tahun pesawah seluruh negara memerlukan 75,000 tan metrik benih padi.

Mohd Sallehuddin berkata, sebenarnya bekalan benih mencukupi namun masalah timbul apabila ada dalam kalangan pembekal gagal membekalkan kira-kira 2,500 tan metrik benih padi mengikut kuota yang diberikan MOA.

Justeru, beliau berkata, MOA akan memberikan kuota kepada pembekal lain untuk membekalkan benih padi berkenaan kepada petani selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) beberapa hari lagi.

"Bekalan memang ada cuma kena ambik kuota benih tempat lain untuk diagihkan kepada lokasi berkenaan. Itulah sebabnya saya sudah berhubung dengan MOF supaya mereka mempercepatkan kelulusan kuota tambahan," katanya.

Sebelum ini, BH melaporkan lebih 4,000 pesawah di Bagan Serai, Perak bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapat benih padi sah daripada pembekal.

Ketua Unit Peladang Parit Haji, Muslan Mohd Napiyah, yang membangkitkan mengenai isu itu berkata, ia disebabkan sembilan syarikat pembekal terbabit belum menerima kuota tambahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membekalkan benih padi sah kepada pesawah, khususnya di Bagan Serai.

Susulan isu terbabit, Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, dilaporkan berkata akan menyerahkan satu memorandum khas kepada Salahuddin, selain mencadangkan supaya beberapa lagi kilang membekal benih padi dibina bagi mengatasi masalah terbabit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	KOSMO	NEGARA	4

# Tawar gaji lumayan tarik minat graduan dalam bidang pertanian

SERDANG - Tawarkan pekerjaan berkualiti dan bergaji lumayan untuk menarik minat graduan dan orang muda menceburi bidang pertanian, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Menurutnya, pertanian adalah sektor yang sangat penting dan memerlukan tenaga kerja dan pakar terutama orang muda untuk melonjakkan sektor itu.

"Saya mohon supaya para pengusaha memberi peluang pekerjaan yang berkualiti. Mereka (graduan) bukan pekerja asing atau kos buruh, tetapi mereka adalah pekerja mahir."

"Kami perlukan bakat dalam sektor ini tetapi



TZE TZIN (kiri) menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Ketua Pengarah Perikanan kepada Nor Amiza pada majlis Konvokesyen Pertanian Kali Kesembilan di Tapak Ekspos Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang semalam.

kami perlu menarik bakat dengan bayaran lebih tinggi dan dengan pakej yang lebih baik. Dengan bakat dan bayaran lebih bagus, sektor pertanian

akan meningkat ke tahap lebih baik," katanya selepas Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Kesembilan di sini semalam.

Tze Tzin memberitahu,

sektor pertanian bukan sahaja berpotensi mencipta peluang pekerjaan tetapi juga usahawan, jika dilihat daripada nilai makanan yang perlu dimport negara iaitu RM52 billion.

Sejumlah 1,085 lepasan diploma dan sijil daripada 14 institusi latihan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerima anugerah masing-masing.

Pada majlis itu, Nor Amiza Abul Karim, 28, graduan bidang akuakultur dari Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu menerima Anugerah Khas Pingat Emas dan Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

# 600 pesawah buntu, benih belum ada

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
utusanperlis@utusan.com.my

■ KANGAR 30 SEPT.

**M**INGGU depan, kira-kira 600 orang pesawah di kawasan seluas 1,300 hektar di Utan Aji di sini, sepatutnya akan mula mengusahakan tanaman padi bagi musim ini.

Berikutan itu, mereka berharap pihak bertanggungjawab melakukan sesuatu bagi menyelesaikan masalah tersebut yang boleh menjelaskan pesawah di kawasan terbabit.

Difahamkan, benih sepatutnya sudah berada di pasaran kerana musim penanaman padi bagi fasa kedua akan bermula pada awal Oktober ini, namun sehingga kini bekalan tersebut masih tidak kelihatan di gudang pembekal.

Seorang pesawah, Mokhtar Mansor, 68, berkata, dia hairan benih padi lewat dibekalkan pada musim tanaman padi kali ini sedangkan sebelum ini benih tersebut tiba tepat pada waktunya.

"Air bakal dilepaskan ke dalam sawah tidak lama lagi, tetapi bekalan benih di kawasan petani fasa dua ini belum kelihatan di gudang pembekal."

"Sepatutnya kami mula menyediakan benih antara tujuh ke 10 hari sebelum proses menabur dilakukan. Kami bimbang masalah ini boleh menjelaskan



RAZALI SALLEH



MARZUKI DIN



MOKHTAR MANSOR

para pesawah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Seorang lagi pesawah, Marzuki Din, 60, berkata, rakannya di kawasan fasa satu di Arau turut memaklumkan ada sebahagian daripada mereka belum menerima benih padi.

"Cuba bayangkan pengusaha di fasa satu masih ada yang belum menerima benih daripada pembekal, bagaimana pula dengan kami pengusaha di kawasan fasa dua ini."

"Saya berharap pihak berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Seorang lagi pesawah, Razali Salleh, 68, pula berkata, terdapat pihak yang didapati mengambil kesempatan menjual benih padi dengan harga yang mahal.

"Harga benih padi melambung tinggi buat masa sekarang, musim yang lepas harganya dianggarkan sekitar RM33 hingga

RM35 bagi sekampit. Musim ini, ada padi yang dah pun mencecah RM40 sekampit, itu pun tidak tahu tumbuh atau tidak tumbuh apabila ditanam nanti," katanya.

Dalam pada itu Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehhuddin Hassan berkata, pihaknya memberi jaminan masalah bekalan benih padi akan selesai minggu ini.

Beliau berkata, bekalan benih padi yang diperlukan negara iaitu kira-kira 72,000 metrik tan setahun sebenarnya mencukupi, cuma masalah timbul apabila ada syarikat pembekal gagal membekalkan benih padi antaranya kerana menghadapi masalah penyimpanan.

Menurutnya, kementerian telah berhubung dengan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan untuk mendapatkan kuota tambahan benih padi sah kepada syarikat pembekal bagi mengatasi masalah bekalan benih padi itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	12

# Tarik kuota syarikat gagal bekal benih padi

**MOA jamin masalah dihadapi petani di Perak selesai hujung minggu ini**

oleh Haila Khazi  
mtazul@bhd.com.my

seluruh negara. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata tindakan itu perlu kerana kementerian memandang serius isu kegagalan pembekal berkenaan membekalkan benih padi kepada petani berkenaan.

Beliau berkata tindakan itu akan diamalkan selepas kementerian membuat penilaian teknikal terhadap semua syarikat pembekal benih padi di seluruh negara, tidak lama lagi.

Selanjutnya,

**Tze Tzin menyampaikan sijil graduan kepada Nor Arizah Abdul Karim pada Majlis Konvensyen Pertanian Kesembilan di Serdang, semalam.**



Tze Tzin menyampaikan sijil graduan kepada Nor Arizah Abdul Karim pada Majlis Konvensyen Pertanian Kesembilan di Serdang, semalam.

Mohd Sallehuddin berkata, bekalan benih padi memang mencakupi namun masih belum apabila ada pembekal gagal membekalkan kira-kira 2,500 tan benih padi mengikut kuota yang diberikan MOA. Justeru, beliau berka MOA akan memberikan kuota kepada pembekal lain untuk membakal benih padi berkenaan kepada petani selepas mendapat keputusan Kementerian Kewangan (MOF) sehari dua ini.

Bekalan benih padi di-

"Bekalan memang ada cuma kena ambil kuota benih tumpat lain untuk dilajuhkan kepada lokasi berkenaan.

"Itulah sebabnya saya sudah berhubung dengan MOF supaya

mereka mempercepatkan kelulusan kuota tambahan berkenaan. Mungkin esok atau lusa pentingnya yang kita arahkan akan membekalkan benih berkenaan kepada petani terbaik," katanya. Katanya, antara faktor menyebabkan masalah terabit terdiri daripada masalah padi musnah akibat serangan serangga, pe rosak sekaligus menyebabkan mereka gagal menyediakan bekalan mencukupi.

Sebelum ini, BH melaporkan

lebih 4,000 pesawah di Bagau Serai, Perak bimbang tidak da

pat memulakan musim penanaman padi berikut kesukaran mendapat padi sah dari pada

pembekal seuruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

# Tarik minat graduan pertanian

**Pengusaha digalak beri peluang pekerjaan berkualiti**

TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

SERDANG

Tawarkan pekerjaan berkualiti dan bergaji lumayan untuk menarik minat graduan dan orang muda mengebur di bidang pertanian, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin.

Beliau berkata, pertanian adalah sektor yang sangat penting dan memerlukan tenaga kerja dan pakar terutama orang muda untuk mendong.



jakkan sektor itu.

"Saya motion supaya para pengusaha memberi peluang pekerjaan yang berkualiti. Mereka (graduan) bukan pekerja asing atau kos buruh, tetapi mereka adalah pekerja mahir."

"Kami perlukan bakat dalam sektor ini tetapi kami perlu menarik bakat dengan bayaran lebih tinggi dan dengan paket yang lebih baik. Dengan bakat dan bayaran lebih bagus, sektor pertanian akan meningkat ke tahap lebih baik," katanya selepas Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Kesembilan di sini semalam.

Tze Tzin berkata sektor pertanian bukan sahaja berpotensi mencipta peluang pekerjaan tetapi juga usahawan, jika dilihat daripada nilai makanan yang perlu dimport negara iaitu RM52 bilion.

"Ini sektor yang sangat ber-

potensi dan masa depan sungguh cerah. Dalam masa yang sama memenuhi cabutan dan keperluan makanan pada masa depan."

Seramai 1,085 lepasan diploma dan sijil daripada 14 institusi latihan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlibat dalam konvoikesyen semalam.

Pada majlis tersebut, seorang anak peneroka Felda Chini Timur, Nor Amiza Abul Karim mengungguli Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-9 apabila merangkul dua anugerah pada majlis semalam.

Nor Amiza diangkat sebagai peneroka Felda Chini Timur, Nor Amiza Abul Karim mengungguli Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-9 apabila merangkul dua anugerah pada majlis semalam.

Graduan hulusan Sijil Pertanian daripada Akademi Pertanian Malaysia Chendering, Terengganu itu berkata, dia terpanggil untuk mencebur di bidang pertanian ini memandangkan keterluarannya juga terlibat dalam pertanian.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.



Tim Tzin menyempurnakan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada Nor Amiza pada Majlis Konvokesyen Pertanian di Tapak Ekofo Pertanian Mataysia semalam.

Nor Amiza, 28, berkata, dia komited untuk mencurahkan pengalaman dan ilmu perikanan yang ada kepada industri.

Sementara itu, penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian, Siti Nur Hajar Aisyah Mat Hisna pulak berkata, beliau

sangat meminati bidang pemprosesan hasil pertanian yang ditawarkan Institut Pertanian Serdang.

"Saya datang daripada keluarga petani. Jadi timbul minat untuk belajar jurusan pertanian," katanya.

## Jangan bergantung buruh asing, kata Tze Tzin

SERDANG - Pemain industri pertanian dinasihat agar tidak terlalu bergantung kepada buruh asing.

Sebaliknya, Timbalan Menteri Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, pemain industri perlu memberi keutamaan kepada graduan pertanian.

"Jangan terlalu bergantung kepada pekerja asing, fokus beri peluang kepada anak muda," katanya.

Menurut beliau, kerentenan bertingkus-klusum melahirkan graduan pekerja mahir dan sepa mahir dalam industri.

"Saya mohon para pengusaha memberi peluang pekerjaan dan gaji yang bagus kepada para graduan."

"Yakinlah dengan graduan ini untuk mengembangkan perniagaan anda," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Kesembilan di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 1,085 pelatih pertanian dalam pelbagai sektor dinasikan.

Tze Tzin berkata, sektor pertanian menjalankan masa depan yang cerah.

"Komitmen kerajaan adalah untuk melahirkan graduan berkualiti dalam pekerjaan."

Kita tidak mahu pekerja sektor pertanian dibayar murah," katanya.



Pada graduan bersedia untuk menerima sijil dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-9 di Serdang semalam.



Berkonfereensi dan istama berdiri ketika lagu Negarakertagama berkomandang pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-9 di Serdang semalam.



Ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan dan Industri Anne Tzin, Datuk Mohd Salehuddin Hassan (empat dari kiri) bersama Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin (tempat dari kanan) bersama beberapa pemimpin anugerah Maha pada Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-9 di Serdang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

## Jangan bergantung buruh asing, kata Tze Tzin

**SERDANG** - Pemain industri pertanian dinasihati agar tidak terlalu bergantung kepada buruh asing.

Sebaliknya, Timbalan Menteri Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, pemain industri perlu memberi keutamaan kepada graduan pertanian.

"Jangan terlalu bergantung kepada pekerja asing, fokus beri peluang kepada anak muda," katanya.

Menurut beliau, kementerian bertungku-lumus melahirkan graduan pekerja mahir dan separa mahir dalam industri.

"Saya mohon para pengusaha memberi peluang pekerjaan dan gaji yang bagus kepada para graduan."

"Yakinlah dengan graduan ini untuk mengembangkan perniagaan anda," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Kesembilan di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 1,085 pelatih pertanian dalam pelbagai sektor diraikan.

Tze Tzin berkata, sektor pertanian menjalankan masa depan yang cerah.

"Komitmen kerajaan adalah untuk melahirkan graduan berkualiti dalam pekerjaan."

Kita tidak mahu pekerja sektor pertanian dibayar murah," katanya.

Headline	80 boat owners in Sekinchan send petition for shortage of diesel supply		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A6	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	619 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,966



# 津貼柴油不足擾1年 適耕莊80船主請願

(适耕庄30日讯) 适耕庄近80名船主展开和平纠察，申诉纷纷攘攘近一年的津贴柴油不足问题迟迟无法解决，众人在生计大受影响下，忍无可忍，决定拉起横幅表达不满，并要求与大马渔业发展局总监会面，商讨解决方案。

据了解，渔民因津贴柴油不足问题，每月出海次数被迫减半，收入也大减。因此，适耕庄渔业公会今早展开和平请愿，召集大批渔民拉起横幅，高呼“我们要柴油”，迫切表达对津贴柴油的渴求。

渔民是在去年10月开始面对津贴柴油不足问题，大部分每月最多只能添到1万公升柴油，到了月初就会面对“抢不到”柴油而无法出海的窘境。

## 月杪即添不到柴油

据他们声称，因渔船要“排队”打油，无形中也影响了其他渔船出入，偶尔也发生渔船碰撞或船员发生争执的纠纷，苦不堪言。

适耕庄渔业公会主席谢添儒披露，适耕庄在4年前有192艘渔船，如今已增至249艘，但津贴柴油的数量却仍维持在每月210万公升，可谓严重不足，完全无法应付渔民的需求。

他说，每艘渔船平均每月需8000至2万2000公升（视船型大小而定），大部分渔船往往只添到约1万公升的柴油，到月杪就再也添不到了。

他提到，适耕庄目前只有3家渔船添油站，另一家虽然申请获批但却一直不见下放柴油。

他形容，大家为了抢添柴油，许多渔民只好早早就将渔船停泊在油站前，无形中又影响到其他船只的出入，甚至发生船只碰撞事故。

谢添儒解释，有部分船主以铁片包裹船角，但一旦发生船只碰撞，船主若没及时发现便出海，恐造成沉船意外，损失惨重。

他建议政府，应开放让有条件的人开设油站，终止垄断，好让渔业能取得良好发展。同时希望当局关注类似沙巴渔船津贴油代理“吃油”的事项，勿让他们在忍无可忍下向反贪污委员会投报。（TKM）



## 出海天数减至十多天 收入少30%

谢添儒控诉，因津贴柴油课题，渔民一年来，从每月出海22至24天降至十余天，收入减少了30%，偶尔还面对亏本的情况；毕竟员工拿的是月薪，就算没出海，还是得支付薪水。

他声称，适耕庄每到每月的27日后就会出现柴油短缺问题，添不到柴油的渔民只能苦等到下个月1日；一旦碰上周末，就要继续等待，更碰上长达一周没油可添的窘况。

## 曾碰上一周没油可添

他说，除了津贴柴油问题，他们也在申请和更新油卡、转名等程序上面对诸多不公对待，更抨击当局不环保，往往要他们影印了大量文件，最终却又不了了之。

■ 近80名适耕庄渔民拉起横幅高呼“我要柴油”，促相关单位正视困扰当地一年的津贴柴油不足问题。

■ 适耕庄每逢月尾就闹“津贴柴油荒”，令当地渔民苦不堪言，生计也大受影响。

据他所知，霹雳州渔民更新油卡一般仅是一周就可解决，但这里却可能要等上两月至一年的时间；为了添油，大家只好忍气吞声。每次追问官员也总推托是资料不足。

谢添儒不解，更新油卡为何不采用电脑化？现在全世界都迈向电子化，但我们却还要影印一大叠的申请资料，且一旦呈交后面对资料不足又得重印，一点都不环保，希望农业部检讨有关机制。

他声称，针对此事，公会一年来已多次呈交备忘录给当局，也在适耕庄区州议员黄瑞林的陪同下见过农业部副部长，但问题却始终无法解决或投诉无门。

他促政府在当地委任一名协调员，协助渔民向官员协调所有问题。（TKM）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## APMM tahan tekong warga Thailand ceroboh perairan Malaysia



**KUALA PERLIS:** Agensi Penguasaan Maritim Malaysia (Maritim) Zon Maritim Kuala Perlis menahan sebuah bot nelayan milik seorang warganegara Thailand pagi Ahad kerana menceroboh dan memukat ketam tanpa kebenaran di kawasan perairan negara.

Pengarahnya, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata bot itu ditahan di jarak 5.3 batu nautika dari pantai Sungai Baru pada kira-kira pukul 9.30 pagi.

"Pemeriksaan ke atas bot itu menemukan seorang tekong berusia 35 tahun serta 10 kilogram ikan campur. Bot berkenaan telah dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata tekong itu akan dibawa ke Mahkamah Kangar pada Isnin bagi mendapatkan perintah tahanan reman, dan kes disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana pencerobohan penangkapan ikan oleh vesel asing di perairan perikanan Malaysia.

Nurulazme seterusnya berkata orang ramai yang ingin menyampaikan laporan, aduan dan kecemasan di laut boleh terus menghubungi Maritim Malaysia dengan menelefon MERS 999, atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Kuala Perlis dengan menelefon 04-9851072 atau 04-9851162.

# Seahorses get help to stay afloat

FRI helps save vulnerable species with commercial breeding effort

BY ARNOLD LOH

[arnold.loh@thestar.com.my](mailto:arnold.loh@thestar.com.my)

**GEORGE TOWN:** It's an intriguing sea creature, with a peculiar snout and long neck.

And do you know that it's the male seahorse that lays the eggs?

Hence at the Penang Fisheries Research Institute (FRI), over 1,000 seahorses have been successfully bred in a project to reverse its risk of extinction.

The FRI is almost ready to share its seahorse breeding know-how on a commercial scale to stop them from being harvested in the wild.

Apparently, more than 25 million seahorses are boiled each year in China alone to prepare traditional medicine concoctions.

"We managed to get them tank-bred into the eighth generation. This means we can domesticate seahorses," said FRI's Tanuku Abdul Rahim, Aquarium manager, Mohamad Saupi Ismail.

He said the project started in 2013 and they produced enough seahorses to release hundreds into the wild.

"The place we release the seahorses is a secret because we don't want anyone to just go there and

harvest them."

"Our purpose is to see if domesticated seahorses will thrive in the wild," he said.

He said FRI had successfully domesticated three species: the zebra-striped seahorse and three-spotted seahorse, which are native to Malaysia; and the big-headed seahorse, a large Australian species that can grow up to 35cm in length.

Mohamad Saupi said the Tanuku Abdul Rahim Aquarium was the first institution in Malaysia and possibly South-East Asia to successfully breed the Australian seahorse.

"We want to teach fishermen and fish farmers how to breed seahorses. It is quite lucrative," he said.

He said that while seahorses were considered endangered, they were in a category where the licence to breed them was allowed.

Dried seahorse can be bought online for RM750 for 250g, giving it a retail price of RM3,000 per kg.

As an aquarium fish (yes, it is a fish), seahorses can retail at between RM300 and RM2,200 each, according to a United States report in March on the aquarium fish trade.

In traditional Chinese medicine,

dried seahorse is used in concoctions for infertility, baldness, asthma and arthritis.

It can be found in many Chinese medicine shops in Malaysia.

According to a 2012 research published in the *Natural Product Research* journal, scientists proved that a peptide in the common seahorse (*Hippocampus kuda*), easily found throughout the Indo-Pacific, can cure arthritis and its associated inflammation.

Research papers in 1996 and 2002 showed that seahorses indeed have a positive effect on erectile dysfunction and can be used for tumours, ageing and fatigue.

The one-of-a-kind biological feature about the seahorse is that it is the male that gets pregnant. Instead of the male ejaculating semen like all other animals, the female ejaculates eggs into the male's body.

The male then fertilises the eggs internally and bears them until tiny baby seahorses swim out.



**Seen and heard:** Assistant research officer Muhamad Faizil Haron feeding brine shrimp to the seahorses at the Fisheries Research Institute in Batu Maung, Penang. (Inset) Of these big-bellied seahorses, the two paler ones (right) are females, all of which were tank-bred for the first time in Malaysia by the institute.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	KOSMO	NEGARA	16

## Nikmati diskaun percutian sehingga 30 peratus di Nafas Cube @MARDI

SERDANG - Pertubuhan Peladang Kebangsaaan (Nafas) menawarkan potongan diskaun 20 hingga 30 peratus kepada pelanggan yang menempah penginapan berkonsepkan santai. Nafas Cube@MARDI di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps) sempena cuti sekolah tahun ini.

Pengerusi Koperasi Warga Nafas (Kowarna), Abu Sujak Sahuji (gambar kecil) berkata, pelanggan boleh memilih untuk menginap di tiga jenis penginapan iaitu kontena, culvert dan khemah.

"Sebanyak 17 buah bilik penginapan disediakan yang boleh menampung 50 orang pengunjung pada satu-satu masa.

"Harga bagi ketiga-tiga jenis penginapan tersebut bermula RM80 hing-



NAFAS Cube @ MARDI di Serdang menawarkan percutian berkonsepkan santai dengan tiga jenis penginapan iaitu kontena, culvert dan khemah.

ga RM250 dan potongan diskaun sebanyak 20 hingga 30 peratus akan diberikan kepada yang menempah penginapan bermula Isnin hingga Jummaat.

"Selain bilik pengi-

napan, kita juga menawarkan tapak khemah yang boleh memuatkan sehingga 100 orang," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Abu Sujak memberitahu, Nafas Cube@MARDI

mempunyai pelbagai kemudahan antaranya kafe, surau serta set barbeku selain berpeluang mengunjungi pusat penyelidikan dan pembangunan yang terdapat di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Maeps.

"Kita turut menerima tempahan bagi aktiviti-aktiviti seperti kem bina semangat, kem motivasi, hari keluarga, perkhemahan selain majlis perkahwinan yang boleh memuatkan kira-kira 1,000 tetamu," jelasnya.

Bagi yang berminat, boleh hubungi Nafas Cube@MARDI di talian 011-63999562 atau layari laman Facebook NAFAS Cube.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2019	HARIAN METRO	LOKAL	26



AB Rashid (depan) melihat sebahagian lembu yang diseludup di Kampung Mentuan, Pengkalan Kubor.

## Penyeludup kerah lembu rentas sungai

**Tumpat:** Sindiket penyeludupan lembu dari Thailand dipercayai mengherah lembu masing-masing berenang merentasi Sungai Golok sebelum dibawa sejauh 900 meter ditempatkan di lokasi tertentu.

Itu adalah modus operandi dilakukan penyeludup lembu dari negara jiran untuk pasaran tempatan dalam serbuan terbaru, malam semalam.

Dalam serbuan jam 11 malam itu, 34 ekor lembu dipercayai diseludup dari Thailand dirampas di Kampung Mentuan, Pengkalan Kubor di sini, dengan nilai

RM136,000.

Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendant Ab Rashid Mat Daud berkata, dalam serbuan itu seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun turut ditahan.

Serbuan dilakukan pasukan pegawai dan anggota dari Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA 7) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat hasil makumat intipan.

"Kami mengesahkan 34 lembu dipercayai diseludup dari negara jiran dan seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun yang menjalankan kegiatan itu ditahan," katanya

pada sidang media, di sini semalam.

Ab Rashid berkata, suspek disiasat termasuk pemalsuan dokumen.

Katanya, semua lembu itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

Sementara itu, Maqis merusi kenyataan media berkata, pihaknya menerima lima lembu seludup yang dibuat PGA 7 di pengkalan haram Tualang di sini, jam 4 pagi kelmarin.

Pengarah Maqis Kelantan,

Mohd Azam Yahya, berkata, semua lembu dianggarkan bernilai RM20,000 itu didapati tiada dokumen import daripada Maqis.

"Perbuatan mengimport lembu tanpa permit Maqis boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) dalam akta sama dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun.

"Kesalahan ini boleh dikompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kuarantin dan Pemeriksaan (Perkom-paunan Kesalahan 2019) hingga RM50,000," katanya.

## PLANTATION SECTOR

# GET YOUTH, WOMEN TO BE PLANTERS

THE plantation industry has been instrumental in laying the building blocks of Malaysia and its contribution to the country is undeniable.

In the early 1900s, the sector welcomed labour contributions from various people — those from Malaya and other parts of the world. The plantation sector will continue to remain economically relevant as it acts as the glue that bonds us as a nation..

However, in powering forward, some things must change.

Professionally trained planters must be developed to lead the industry into the 21st century.

There are educational opportunities available, ranging from programmes that pave the way for a diploma, degree, master's and PhD.

Plantation companies must encourage their employees to upgrade themselves by offering incentives.

In the last decade, students have graduated from programmes, such as the Certificate in Plantation Management.

This qualifies them to apply for the Professional Diploma of Licentiate of the Incorporated Society of Planters and the number of planters pursuing master's degree is on the rise.

Although it is common to define a planter as one who owns a



*The plantation sector will continue to remain economically relevant, acting as the glue that bonds us as a nation.* FILE PIC

certain acreage of land, in reality, a planter is much more.

A planter is a multifaceted individual who is an agriculturist, a scientist, a farmer, a counsellor and a bookkeeper.

We must do more to encourage our youth to take up employment in the industry.

The love for the plantation sector must start young, sown at the primary level, strengthened in the secondary years and fortified during the tertiary stages.

In an industry known to be dominated by men, it is important that equal opportunity be given to women.

There are "lady planters" serv-

ing the industry and more women should be encouraged to join the profession.

Malaysia became a world leader in agriculture due to the strength of our "forefather" planters. Their technical skills, alongside the systems they established, are standards that, if observed, will secure us an edge in the industry.

The enforcement of the Planters Act will bring a much-needed transformation to the industry, as it will get the ball rolling.

**DATUK DAUD AMATZIN**

Chairman, The Incorporated Society of Planters Malaysia, Kuala Lumpur

Headline	Perlu dana tingkat hasil ikan air tawar		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	4	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,674



# Perlu dana tingkat hasil ikan air tawar

**Kota Kinabalu:** Kerajaan Sabah memerlukan dana daripada kerajaan Pusat bagi meningkatkan pengeluaran ikan air tawar dan benih tanaman makanan dalam usaha mengembangkan sektor pertanian bagi memakmurkan ekonomi negeri menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Junz Wong berkata, Sabah mempunyai banyak lokasi untuk projek akuakultur ikan air tawar, namun memerlukan bantuan dana bagi melaksanakannya selain permasaran ke peringkat lebih luas.

Katanya, bagi pengeluaran benih tanaman, dana diperlukan untuk meningkatkan pengeluaran benih tanaman seperti buah-buahan, termasuk durian dan kelapa pandan berikutnya permintaan yang baik terhadap hasil tanaman berkenaan.

"Melalui pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030, kita berharap

**‘**  
*Melalui pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030, kita berharap Sabah akan mendapat kepentingan dan diberi keutamaan”*

**Junz Wong**

Sabah akan mendapat kepentingan dan diberi keutamaan terutama dalam pembangunan dan juga sektor pertanian.

"Ini kerana seperti yang diutarakan, ekonomi Malaysia akan distruktur semula ke arah lebih progresif," katanya mengulas harapannya berkaitan tumpuan terhadap sektor pertanian bagi meningkatkan ekonomi negeri dan pendapatan rakyat menerusi wawasan berkenaan.

Katanya, bantuan kerajaan Persekutuan juga diperlukan bagi meningkatkan aktiviti



penyelidikan dalam sektor pertanian dalam usaha untuk menaik taraf sektor ini menerusi penggunaan teknologi tinggi, inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Beliau berkata, pendekatan itu bersesuaian dengan matlamat wawasan berkenaan ke arah menyediakan taraf hidup yang makmur kepada semua rakyat menjelang 2030.

"Sabah juga memerlukan perhatian khusus daripada kerajaan Pusat selari dengan

dasar dan polisi menjadikan peladang, penternak dan ne- layan sebagai pengeluar utama makanan di negeri ini bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penghasilan bahan makanan.

"Peruntukan besar turut diperlukan bagi membangunkan projek utama yang mampu mencetuskan lonjakan ekonomi kepada Sabah dalam jangka masa panjang," katanya.

Selain itu, katanya dana kerajaan Pusat juga diperlukan dalam usaha kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir, pembakaan jalan ladang dan bekalan air.

Beliau berkata, dalam usaha untuk menurunkan import daging lembu dan susu, kerajaan Pusat juga perlu memberi perhatian khusus terhadap penambahan dana kepada kerajaan negeri agar dapat meningkatkan pengeluaran daging dan susu berdasarkan potensi sedia ada di negeri ini.